KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	27/10/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	PERHILITAN			



Ronald (dua dari kiri) menyerahkan bekalan ayam dan daging sejuk beku di Zoo Negara, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)

Daging beku rampasan disumbang kepada zoo, PERHILITAN

BH 27 Okt 2021_24

Kuala Lumpur: Sebanyak 146 tan produk daging sejuk beku dengan nilai rampasan RM2.33 juta disumbangkan kepada agensi serta jabatan berkaitan setakat bulan ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata sumbangan itu diharap dapat membantu meringankan beban dalam menampung sumber bekalan makanan haiwan dan ternakan ikan di bawah seliaan agensi berkenaan.

"Semua sumbangan itu adalah hasil rampasan pengimportan keluaran pertanian melalui proses lucut hak mengikut kesalahan Subseksyen 11 (1) dan 15 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Penerima sumbangan berkenaan terdiri daripada pengusaha zoo, Jabatan Penjara dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)," katanya selepas menyerahkan sumbangan terbabit kepada Zoo Negara, semalam.